

### ***Panduan Permohonan Nama Syarikat***

1. Pilih nama yang sesuai bagi menamakan syarikat. Sebagai panduan dalam pemilihan nama syarikat, rujuk **Garis Panduan Menamakan Syarikat yang dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat**.
2. Setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang 13A seperti yang ditetapkan oleh Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Syarikat 1966.
3. Bayaran bagi setiap permohonan adalah RM30.00
4. Lengkapkan maklumat di dalam Borang 13A seperti berikut :
  - i) Nama Syarikat yang dipohon.
  - ii) Tujuan permohonan sama ada:
    - a) Permohonan Baru dicatit 'N'
    - b) Pertukaran Nama dicatit 'C'
    - c) Syarikat Asing dicatit 'F'
  - iii) Jenis syarikat iaitu :
    - a) Jenis syarikat berhad menurut syer catitkan 'S'
    - b) Jenis syarikat berhad menurut jaminan catitkan 'G'
    - c) Jenis syarikat Terhad dicatit 'U'

Nota: **Syarikat Berhad Menurut Syer** ialah syarikat yang mempunyai pemegang saham dan liabiliti atau tanggungan pemegang-pemegang syer adalah terhad kepada jumlah syer yang diambil. **Syarikat Menurut Jaminan** adalah syarikat yang ditubuhkan untuk tujuan atau aktiviti-aktiviti untuk menyediakan rekreasi atau hiburan (amusement); atau mengalakkan perdagangan, industri ), seni (art), sains, ugama, kebajikan, pencen atau skim-skim pencen pekerja atau tujuan-tujuan lain yang berfaedah kepada masyarakat

- iv) Nama dan alamat pemohon

- v) Pemohon perlu menandatangani permohonan
  - vi) Berikan penjelasan di dalam ruang berkenaan untuk menyokong jika ada iaitu:
    - a) Jika ada sebarang huruf abjad berikan penjelasan.
    - b) Jika nama bukan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, terangkan maksudnya.
    - c) Jika nama mengandungi nama perseorangan catatkan sama ada ianya adalah nama pengarah, sertakan salinan kad pengenalan bakal pengarah
    - d) Jika nama dipohon ada kaitan dengan syarikat yang telah berdaftar, sila dapatkan resolusi dari syarikat berkenaan. Resolusi itu perlu ditandatangani oleh semua pengarah syarikat dan sekiranya petikan "extract", resolusi hendaklah ditandatangani oleh seorang pengarah dan setiausaha. Jika ia merupakan surat kebenaran, ia perlu ditandatangani oleh seorang pengarah dan seorang setiausaha atau ditandatangani oleh sekurang-kurangnya dua orang pengarah.
    - e) Jika nama mengandungi Cap Dagang pemohon perlu mendapatkan kebenaran dan sekiranya tiada catitkan 'TIADA'.
    - f) Jika nama dipohon untuk pertukaran nama, Nama Syarikat dan No. Syarikat yang membuat pertukaran nama mesti dicatatkan.
    - g) Aktiviti perniagaan yang dijalankan hendaklah dicatatkan.
    - h) Lain-lain hal. (Bagi penubuhan baru syarikat, pastikan nama pengasas-pengasas syarikat dilengkapkan seperti kad pengenalan)
5. Keputusan Permohonan nama syarikat akan dikeluarkan dalam tempoh 1 hari. Pemohon dikehendaki mengemukakan resit pembayaran semasa datang mengambil keputusan carian nama.

6. Nama yang diluluskan direzabkan selama tiga bulan. Bagi nama yang dikueri, pemohon hendaklah memberikan jawapan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh surat kueri tersebut.

#### **Permohonan Nama Bagi Pertimbangan Menteri**

7. Bagi permohonan nama-nama yang memerlukan persetujuan daripada YB Menteri, pemohon dikehendaki mengemukakan segala maklumat-maklumat yang diperlukan beserta bayaran sebanyak RM 150.00 (bagi permohonan pengguguran perkataan Berhad, tambahan bayaran sebanyak RM 150.00).
8. Permohonan-pemohonan yang telah lengkap akan dikemukakan kepada YB Menteri untuk mendapat kebenaran/persetujuan beliau.
9. Pemohon-pemohon akan dimaklumkan mengenai keputusan permohonan nama mereka dalam tempoh 1 hari setelah pejabat ini menerima semula keputusan daripada YB Menteri.